# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

## LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

25 FEBRUARI 2025 (SELASA)

Maut ditanduk lembu kesayangan

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Kosmo | Negara | 3 | 25 Feb |

# Maut ditanduk lembu kesayangan

DARI MUKA 1

Adik arwah, Mustafa, 66, berkata, sebelum kejadian dia dan abangnya baru selesai memasang tali baharu pada hidung lembu seberat 300 kilogram yang dipelihara sejak tiga tahun lalu selepas yang lama putus.

Katanya, lembu itu merupakan haiwan ternakan kesayangan arwah dan dibeli pada harga RM1,500.

"Selepas menambat lembu pada pokok duku, abang sempat memberikan dedak dan air pada haiwan itu. Saya pula terus naik ke rumah untuk solat asar. Tidak lama kemudian, saya dengar abang meraung dari arah lembu ditambat.

"Saya kemudian bergegas ke arahnya dan terkejut apabila melihat betis kiri abang tembus hingga darah tidak berhenti keluar akibat ditanduk lembu itu," katanya kepada *Kosmo!*.

Menurut Mustafa, arwah sempat berjalan beberapa meter ke arah rumah sebelum rebah dan terus tidak sedarkan diri.

Tambahnya, dia tergamam dan terus bergegas meminta bantuan orang kampung sebelum menghubungi pihak berkuasa.

"Petugas kesihatan kemudian mengesahkan abang meninggal dunia. Lembu itu sebelum ini tidak pernah bertindak ganas dan mengesyaki ia meradang kerana kami memasang tali baharu pada hidungnya," katanya.

Ujar Mustafa, jenazah abangnya selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Bunut Satut, Kadok di sini kira-kira pukul 11 malam pada hari yang sama.

"Saya trauma dan takut jika kejadian itu berulang sebelum mengambil keputusan sukar untuk menjual lembu itu pada harga RM3,500 kepada penduduk sehari selepas kejadian," katanya.

"Walaupun ia haiwan kesayangan arwah, tidak mustahil saya pula akan menerima nasib sama. Jadi saya pun jual walaupun dengan rasa berat hati," katanya.

Tambahnya, lembu tersebut sudah pun disembelih oleh pembelinya pada Jumaat lalu sebelum dagingnya dijual untuk pasaran di sekitar Kadok di sini.



**INILAH lembu baka Charolais yang menanduk betis Mohd. Amin hingga menyebabkannya maut di Kota Bharu Rabu lalu.**



**MUSTAFA menunjukkan lokasi abangnya rebah selepas ditanduk lembu sebelum meninggal dunia di Kampung Bunut Satut, Kadok, Kota Bharu.**

Bekalan ayam mencukupi ketika Ramadan

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Berita Harian | Nasional | 20 | 25 Feb |

# Bekalan ayam mencukupi ketika Ramadan




mendapatkan bekalan ayam di pasar Chow Kit, Kuala Lumpur. (Foto Aswadi Alias/BH).

**Kuala Lumpur:** Bekalan ayam dijangka mencukupi menjelang bulan puasa ini walaupun banyak bazar Ramadan beroperasi nanti.

Pemborong ayam di Seri Kembangan, Hairuddin Tahir, 67, berkata pada Ramadan, banyak kedai makan ditutup, sekali gus permintaan bekalan berkurangan.

"Memang banyak bazar Ramadan akan dibuka nanti, tetapi tidak semua peniaga memerlukan bekalan ayam untuk jualan.

"Contoh, jika 100 kedai makan ditutup, hanya 20 akan berniaga di Bazar Ramadan dan memerlukan bekalan ayam.

"Jadi setiap Ramadan, bekalan ayam bukan saja mencukupi, malah ada kalanya berlebihan apabila permintaan turun," katanya kepada *BH*.

Bagaimanapun, katanya, permintaan ayam biasanya meningkat tiga hari sebelum Aidilfitri dan sepanjang Syawal apabila ramai merancang mengadakan rumah terbuka.

Pada masa sama, katanya, sejak 10 tahun kebelakangan, terdapat aliran permintaan ayam tua yang semakin meningkat.

"Dalam tempoh tiga hari sebelum Aidilfitri, saya mampu jual sehingga 30,000 ayam tua kerana permintaan tinggi.

"Saya percaya permintaan ayam tua semakin meningkat kerana lebih sedap untuk dibuat rendang, selain harga lebih murah," katanya.

Beliau berkata, ketika ini ayam tua dijual RM5 seekor untuk berat kira-kira dua kilogram, namun harga dijangka meningkat menjelang Aidilfitri dan boleh mencapai antara RM8 sehingga RM9 seekor.

"Saya harap orang ramai tidak bimbang dengan bekalan ayam menjelang Ramadan kerana ia sentiasa mencukupi," katanya.

| Animal rights group call for an end to stray killings, urge reform on Animal Welfare Act | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Dayak Daily | Nasional | Online | 25 Feb |




*Protesters gather outside Parliament, demanding reforms to the Animal Welfare Act and an end to stray animal killings on Feb 24, 2025.*

**KUCHING,** Feb 24: A coalition Of animal rights non-governmental organisations (NGOs) staged a protest in front of Parliament today, calling on the federa government to amend the Animal Welfare Act 2015 and implement humane stray animal control measures. The rally, attended by over 100 people, saw Global Human Rights Federation (GHRF) president S. Shashi Kumar hand over a memorandum to Kampar MP Chong Zhemin, urging legislative reforms and stricter enforcement mechanisms to protect stray animals.

In a statement afterward, GHRF deputy president Peter John Saban said the proposed amendments to the Animal Welfare Act 2015 Involve introducing new standards, stricter enforcement mechanisms, and humane practices, particularly for stray dogs. He also criticised authorities for falling to take an action after GHRF submitted a memorandum to 10MPs at a similar rally in November 2024. "We have proposed reducing the stray animal population through the trap-neuter-vaccines-release (TVNR) method. "Instead, the government has taken the easy way out by killing, shooting, and poisoning stray animals," he said.

Meanwhile, Shashi accused the Department of Veterinary Services of failing to uphold its duty to protect strays and demanded the establishment of an independent body to enforce the Animal Welfare Act. He also cited cases of excessive force in handling stray animals, particularly in Penang and Kuala Langat, Selangor. In response Chong assured protesters that he would raise the issue with Housing and Local Government Minister Nga Kor Ming and study the Proposed amendments before speaking to Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohammad Sabu about introducing a bill in Parliament. Also present at the rally was animal rights lawyer Rajesh Nagarajan, who provided updates on the legal battle against the Besut District Council and the Terengganu government over the killing of a stray dog named Kopi. He confirmed that the next hearing is scheduled for April 8 at the Kuala Terrenganu High Court. - DayakDaily

# TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR